

Kerajaan Negeri Diminta Percepat Kemuka Lokasi Projek PPA1M - Halimah Bernama
Mei 16, 2014

JOHOR BAHRU, 16 Mei (Bernama) -- Kerajaan-kerajaan negeri diminta segera mengemukakan lokasi projek Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) di negeri masing-masing bagi memastikan projek berkenaan dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Halimah Sadique berkata setakat ini Sabah, Pahang dan dua negeri lain telah pun mengemukakan lokasi projek PPA1M di negeri masing-masing.

"Kita berharap kerajaan-kerajaan negeri dapat menghantar senarai (lokasi) itu dengan cepat, supaya kita boleh membinanya dengan cepat. Peruntukan sudah ada, tetapi apabila kita minta senarai daripada kerajaan negeri, ia mengambil masa," katanya kepada pemberita di sini Jumaat.

Beliau berkata demikian selepas melawat Rumah Pangsa Taman Tampoi Utama, sambil diiringi anggota Parlimen Pulaui Datuk Nur Jazlan Mohamed, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Menurut Halimah, beliau akan bertemu dengan semua Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri bagi mempromosi PPA1M dan meminta mereka mempercepatkan usaha mengenal pasti lokasi projek.

Katanya, dua projek PPA1M bakal dilaksana di Johor pada tahun ini dengan satu daripada lokasi telah pun dikenal pasti iaitu di Iskandar Malaysia, yang menempatkan pusat pentadbiran negeri Kota Iskandar.

Menurut Halimah, Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin semasa pertemuan dengan beliau minggu lepas, memberi jaminan akan mengenal pasti lokasi projek PPA1M di Johor dengan segera.

Kerajaan-kerajaan negeri menurutnya, diminta memilih lokasi PPA1M yang strategik dan berdekatan dengan kemudahan awam seperti sistem aliran pengangkutan bagi menarik minat pembeli.

Katanya, kerajaan menyasarkan untuk membina 100,000 rumah berharga antara RM90,000 hingga RM300,000 di bawah PPA1M.

Mengenai Projek Perumahan Rakyat (PPR) flat kos rendah dan sederhana rendah pula, beliau berkata, sebanyak tujuh PPR akan dibina di Johor pada tahun ini melibatkan 3,800 unit.

Kementerian, katanya, bukan hanya bertanggungjawab membina PPR tetapi juga menyelenggaranya menerusi Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) bagi menjamin kualiti dan kesejahteraan hidup rakyat.

Menerusi TP1M, kementerian akan menanggung 90 peratus daripada kos penyelenggaraan flat kos rendah itu manakala baki 10 peratus oleh jawatankuasa pengurusan bersama flat berkenaan, katanya.

Bagi flat kos sederhana rendah pula, Halimah berkata kementerian hanya menanggung 70 peratus kos penyelengarannya manakala bakinya oleh jawatankuasa bersama.

Bagaimanapun di Johor, katanya, kerajaan negeri telah bersetuju untuk menanggung kos penyelenggaraan sebanyak 10 dan 30 peratus yang kini ditanggung oleh jawatankuasa pengurusan bersama.

Kerajaan negeri akan mengeluarkan peruntukan sebanyak RM1.8 juta bagi menyerap kos penyelenggaraan yang ditanggung oleh jawatankuasa itu, katanya.

Tahun ini kementerian meluluskan 30 permohonan peruntukan di bawah TP1M melibatkan sebanyak RM14.1 untuk menyelenggara flat kos rendah dan kos sederhana rendah di seluruh negeri Johor, katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1038753>